



SENAMROBIK sebelum acara bermula.




JEJAK
PERPADUAN

UR 24.2.2018 B3
KIRA-KIRA 200 orang penduduk Kampung Radtak, Matunggong hadir ke Majlis Penutupan Program Promosi Kesihatan Kg Radtak anjuran bersama pelajar-pelajar Fakulti Sains Kesihatan UMS, Jabatan Kesihatan Kudat dan Jawatankuasa KRT Kg Radtak yang dilancarkan pada 10 Februari bertempat di Dewan Belia kampung itu.

Difahamkan kumpulan pelajar UMS seramai 14 orang ini menjalankan kajian dan penyelidikan tahap kesihatan warga

200 penduduk Kampung Radtak hadiri program kesihatan



PEMERIKSAAN kesihatan oleh KOSPEN dan Jabatan Kesihatan Kudat.

kampung hampir selama enam minggu.

Program ini berlangsung bermula jam 6.30 pagi dengan sesi pendaftaran, senamrobiik dan beberapa permainan bersama warga KRT Kg Radtak.

Antara pengisian lain

di dalam program ini ialah saringan kesihatan, pemeriksaan gigi, ceramah kesihatan, cpr, cabutan bertuah, persembahan Fakulti Sains Kesihatan UMS, dan pelancaran bebas rokok.

Program dirasmikan oleh

Timbalan Dekan Fakulti Perubatan dan Kesihatan UMS Dr Fairrul Bin Masnah.

Dalam ucapannya, beliau amat berterima kasih kepada warga KRT Kg Radtak dan Jabatan kesihatan kerana membenarkan pelajar –

pelajar UMS melaksanakan kajian dan penyelidikan mengenai tahap kesihatan di kampung itu.

Beliau berterima kasih di atas semangat dan kerjasama dari seluruh penduduk kampung yang setiap hari menerima kunjungan para kumpulan pelajarnya yang berkunjung melaksanakan pemerhatian dan penyelidikan di setiap keluarga yang ada di kampung ini.


Beliau juga berharap dapat melaksanakan program ini dengan kerjasama KRT lain yang ada di daerah Matunggong.

Selain itu beliau juga memuji akan usaha dan komitmen para pelajarnya dalam melaksanakan

tugasannya di kampung ini.

yang lebih baik.

Turut hadir bersama di program ini Penolong Pegawai Perpaduan Daerah Matunggong Mohd Nasir Adli, Pengerusi KRT Kg Radtak Deshen Ungkoput dan Ketua Kg Radtak, Affandi.



ANTARA tetamu kehormat yang hadir.